

Pas Keluarga Malaysia galak guna pengangkutan awam

BH - 23/11/2021 m/s: 2

Inisiatif dorong orang ramai kunjungi lokasi menarik, beriadah di Lembah Klang

Kuala Lumpur: Pengenalan Pas Keluarga Malaysia oleh Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) diharap dapat menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam untuk beriadah dan mengunjungi lokasi tarikan di Lembah Klang, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, pas itu membolehkan seramai empat orang dalam satu kumpulan, menikmati perjalanan satu hari tanpa had pada Sabtu, Ahad dan cuti umum dengan harga cuma RM15.

Beliau berkata, perjalanan membabitkan pengangkutan awam termasuk LRT (Transit Aliran Ringan), MRT (Transit Aliran Massa) dan monorel kendalian Rapid KL dan BRT (Transit Aliran Bas).

"Ini bermakna setiap seorang dalam kumpulan ini hanya membayar RM3.75 untuk menggunakan perkhidmatan LRT, MRT, Monorel dan BRT di bawah kendalian Rapid KL sepanjang hari.

"Inisiatif ini bertujuan meng-



Ismail Sabri (tengah) bersama Ka Siong (dari kiri), Tengku Zafrul, Jamaludin dan Shahidan pada pelancaran Pas Keluarga Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

galakkan keluarga Malaysia beriadah, bersiar-siar dan menghabiskan masa berkualiti dengan orang tersayang sambil mengunjungi pusat beli-belah atau tempat menarik yang terdapat di sekitar jaringan pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan Selangor," katanya ketika melancarkan pas perjalanan itu, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Pengerusi Pra-

sarana, Tan Sri Jamaludin Ibrahim.

Ismail Sabri berkata, kemudahan pengangkutan awam yang efisien dan ketersambungan adalah penting bagi mobilisasi Keluarga Malaysia.

"Pengangkutan awam juga tidak terkecuali dalam memainkan peranan penting dalam menjayakan Keluarga Malaysia kerana selain menjadi alat penyatuan bangsa, ia juga menjana pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut mengumumkan Pakej Transit untuk usahawan per-

sahaan kecil dan sederhana (PKS) mulai Mac tahun depan yang dilaksanakan anak syarikat Prasarana iaitu Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (PRIDE) yang membolehkan peniaga berniaga di sekitar lapan stesen LRT Laluan Kelana Jaya.

Stesen terbabit adalah Subang Alam, Alam Sutera, Putra Height, Taman Perindustrian Puchong, Awan Besar, IOI Puchong Jaya, Plaza Rakyat dan SS18.

"Menerusi pakej ini, sejumlah 20 lot perniagaan bersaiz 80 hingga 400 kaki persegi di beberapa laluan akan ditawarkan kepada pengusaha industri kecil dan se-

derhana secara cabutan lot," katanya.

Ismail Sabri berkata, pemohon yang berjaya akan menikmati struktur sewaan istimewa selama setahun termasuk pengecualian sewa selama tiga bulan yang perinciannya akan dihebahkan PRIDE dalam masa terdekat.

"Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan pengusaha industri kecil dan sederhana untuk mengambil bahagian dan memperkasakan ekonomi setempat agar dapat melimpahkan kesejahteraan dan manfaat kepada seluruh Keluarga Malaysia," katanya. BERNAMA